



SIARAN MEDIA MENTERI KEWANGAN MALAYSIA YB TUAN LIM GUAN ENG

LEBIH RM4 BILION TANAH MILIK KERAJAAN PERSEKUTUAN DIJUAL OLEH KERAJAAN TERDAHULU BERBANDING DENGAN TIADA PELUPUSAN TANAH MILIK KERAJAAN SELEPAS 9 MEI 2018

Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan tidak pernah membuat sebarang penjualan tanah milik kerajaan, meskipun terdapat dakwaan-dakwaan menyatakan sebaliknya.

Rajah di bawah jelas membuktikan sejak PH mengambil alih tampuk pemerintahan pada Mei 2018, tiada tanah milik Kerajaan Persekutuan dijual kepada mana-mana pihak.

Pada masa yang sama lebih RM4 bilion tanah milik Kerajaan Persekutuan dijual oleh kerajaan terdahulu antara tahun 2010 hingga 2017. Malah, kebanyakan penjualan tanah milik Kerajaan yang berlaku dalam tempoh tersebut dilakukan secara rundingan terus, dan bukannya secara tender terbuka.

Para pemimpin pentadbiran lalu yang terus-menerus menuduh Kerajaan Pakatan Harapan menjual tanah dan aset Kerajaan harus menghentikan dakwaan mereka yang tidak berasaskan fakta, dan akui bahawa ini merupakan satu amalan lazim Kerajaan yang mereka anggotai dahulu.

Rajah: Penjualan tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dari tahun 2010 sehingga September 2019.

Bil.	Lot Tanah	Keluasan	Kaedah Pelupusan	Tahun	Harga Jualan (RM)
1	PT132, Seksyen 69, Kuala Lumpur	12,470 m ² / 3.0814 ekar	Rundingan Terus	2010	58,609,000.00
2	Jalan Cochrane, Kuala Lumpur [Plot A1, Plot A2, Plot A3, Plot A4 dan Plot B1]	173,573.72 m ² / 42.891 ekar	Rundingan Terus	2011	532,981,647.00
3	Plot B3, Jalan Cochrane, Kuala Lumpur	26,688 m ² / 6.5947	Rundingan Terus	2011	32,145,886.00
4	GRN 49282 Lot 11972, Mukim Ampang, Kuala Lumpur	55,441.933 m ² / 13.7 ekar	Tender Terhad	2011	334,789,092.00
5	Lot 104 Seksyen 88, Kuala Lumpur	24,540 m ² / 6.06 ekar	Rundingan Terus	2011	93,710,628.00

6	Lot 11979, Mukim Ampang, Kuala Lumpur	27,550 m ² / 6.8077 ekar	Rundingan Terus	2011	103,672,800.00
7	Lot 301, GRN 17113 Sek 63, Kuala Lumpur	27,539 m ² / 6.805 ekar	Rundingan Terus	2011	162,800,000.00
8	HSD 201415 PT 1007, Seksyen 7, Bandar Shah Alam, Selangor	28,481 m ² / 7.0378 ekar	Rundingan Terus	2012	40,000,000.00
9	GRN 85981 Lot 14622, Bandar Baru Bangi, Selangor (INSPEN 1)	80,335 m ² / 19.8512 ekar	Rundingan Terus	2013	225,000,000.00
10	HSD 119602, PT 26 Seksyen 51, Bandar Kuala Lumpur	80,988 m ² / 20.0125 ekar	Rundingan Terus	2013	1,000,000,000.00
11	Lot 1220 & Lot 1222, Seksyen 69, Bandar Kuala Lumpur	49,980 m ² / 12.3503 ekar	Rundingan Terus	2013	283,073,185.00
12	Lot 44, Bandar Kuala Lumpur dan Memorial Tun Hussein Onn (tidak termasuk RM50 juta kos pampasan).	16,755.2 m ² / 4.1403 ekar	Rundingan Terus	2014	250,000,000.00
13	GRN 34100 Lot 311 dan GRN 34198 Lot 102 Seksyen 63, Kuala Lumpur	5,048.275 m ² / 1.2474 ekar	Rundingan Terus	2015	140,000,000.00
14	GRN 78883 Lot 481123, Jalan Lembah Ledang, Kuala Lumpur	77,450 m ² / 19.138 ekar	Tender Terbuka	2016	646,000,000.00
15	PT 457, Jalan Hang Tuah, Kuala Lumpur	18,453.66 m ² / 4.56 ekar	Rundingan Terus	2016	192,336,060.00
16	GRN 49800 Lot 342, Seksyen 63, Jalan Conlay, Kuala Lumpur	13,992 m ² / 3.46 ekar	Rundingan Terus	2017	325,500,000.00
				JUMLAH	4,420,618,298.00

Harus ditekankan juga bahawa urusan penyahlaburan dan pelupusan bukan-teras dan bukan-kritikal aset negara adalah bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri, dan bertujuan mengimbangkan kembali portfolio Kerajaan dan menjajarkan kembali peranan sektor awam.

Sayangi Malaysiaku!

Lim Guan Eng

Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
9 Oktober 2019